

15 JUN 1997

Mahathir-Jambatan (Dengan gambar)

MALAYSIA DAN INDONESIA RANCANG BINA JAMBATAN RENTANGI SELAT MELAKA

ISTANBUL, 15 Jun (Bernama) -- Malaysia dan Indonesia merancang membina sebuah jambatan merentangi Selat Melaka bagi menghubungkan Semenanjung dengan Sumatera.

Perkara ini dinyatakan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada wartawan selepas mengadakan pertemuan dengan Presiden Suharto di sini hari ini.

Dr Mahathir dan Suharto berada di bandaraya ini untuk menghadiri sidang kemuncak pertama lapan negara membangun, D-8, yang berlangsung hari ini.

Dr Mahathir berkata cadangan pembinaan jambatan itu bergantung kepada kajian kemungkinan yang sedang dijalankan.

"(Ia akan dilaksanakan) kalau kemungkinannya baik," katanya selepas pertemuan kira-kira 20 minit itu di hotel penginapan kedua-dua pemimpin itu.

Bagaimanapun, Dr Mahathir tidak memberi butiran lanjut mengenai cadangan pembinaan jambatan itu.

Selat Melaka, yang memisahkan Semenanjung Malaysia dan Sumatera, merupakan salah satu laluan perdagangan penting di rantau Asia Tenggara.

Jarak antara dua lokasi terdekat wilayah Indonesia dan Malaysia adalah kira-kira 24 km. Ketika ini, terdapat beberapa perkhidmatan feri yang menghubungkan Kukup di Johor Baharu, Melaka, Pulau Pinang di Semenanjung Malaysia dengan wilayah di Sumatera.

Dr Mahathir juga berkata beliau dan Suharto berbincang mengenai pelaburan Malaysia di Indonesia.

Kata beliau, pelaburan Malaysia di Indonesia tidaklah menghadapi banyak masalah.

"Kita faham tentang kesulitan yang terdapat di Indonesia dan kita akan mengambil kira segala perkara tersebut," katanya.

Sebelum ini, Dr Mahathir turut mengadakan perbincangan dengan Presiden Iran Ali Akbar Hashemi Rafsanjani, Presiden Turki Suleyman Demirel, Perdana Menteri Turki Necmettin Erbakan dan Perdana Menteri Bangladesh Sheikh Hassina.

Mengenai pertemuan dengan Erbakan semalam, Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi memberitahu wartawan Malaysia bahawa Turki mengharapkan kerjasama yang lebih erat dengan Malaysia khususnya dalam bidang industri pertahanan dan teknologi automobil.

Menurut Abdullah, Turki berpendapat ia boleh berkongsi pengalamannya dengan Malaysia dalam bidang pembuatan kapal selam dan kapal perang.

"Turki juga berpendapat industri automobil Malaysia boleh dikembangkan dengan bekerjasama dengan Turki terutama dalam aspek pengeluaran dan pemasaran," kata Abdullah.

Katanya, Erbakan turut mempelawa Dr Mahathir mengadakan lawatan peribadi ke Turki untuk meninjau kawasan perdagangan bebas di Turki yang mungkin boleh diceburi bersama oleh pelabur Malaysia. -- BERNAMA

MOK WAT